



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM MINI KARNIVAL SUKAN DAN
KONVOI BERBASIKAL SEMPENA
HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

**28 FEBRUARI 2016 (AHAD)
DATARAN PUTRAJAYA, PRESINT 3**

Bismillahir Rahman Nirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1Malaysia**

**YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikshan,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Y. Bhg. Datuk Seri Hj. Hasim bin. Hj. Ismail,
Presiden Perbadanan Putrajaya**

**Y. Bhg. Dato' Paduka Izudin bin Ishak
Pengarah Eksekutif, Yayasan Kesejahteraan Bandar**

Y. Bhg. Datuk Mustapha bin Ahmad Marican,
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kesejahteraan Bandar

Yang Berusaha Encik Mohd Razlan bin Muhammad Rafii
Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

**Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian,
Serta para pegawai kanan Kementerian**

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen dari Wilayah Persekutuan,

**Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian,
Serta para pegawai kanan Kementerian**

Para Dif-Dif Kehormat yang saya muliakan dan rakan-rakan media.

**Hadirin-hadirat, tuan-tuan dan puan-puan, peserta-peserta, warga
Wilayah Persekutuan yang saya hormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, dapat kita bersama-sama berhimpun di Program Mini Karnival Sukan dan Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Persatuan Berbasikal Putrajaya, Biro Sukan Khidmat Masyarakat Putrajaya dan Media Rasmi Program ini iaitu Cycling Malaysia yang telah bekerja keras menganjurkan program yang penting ini. Saya berasa bangga di atas kehadiran warga Wilayah Persekutuan daripada pelbagai lapisan masyarakat dan para tetamu jemputan yang pada saya jelas menunjukkan komitmen tuan/puan untuk

menjayakan program ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama pada hari ini dalam Program Mini Karnival Sukan dan Konvoi Berbasikal.

3. Kita amat beruntung kerana Malaysia sentiasa dalam keadaan aman. Kita boleh mengadakan program sebegini dengan selesa, beriadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Kuncinya adalah perpaduan dan kerjasama.
4. Sehubungan itu, soal perpaduan ini perlu sentiasa dijaga dengan baik; dan kita patut bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat serta kesejahteraan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

5. Program Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan ini adalah program kali ke 5 yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan sejak mula diperkenalkan pada tahun 2012. Program ini juga merupakan penutup bagi aktiviti yang dirancang bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.
6. Penganjuran program ini juga adalah untuk memupuk semangat cintakan Wilayah Persekutuan, mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas, mengeratkan silaturrahim, dan mewujudkan satu suasana yang harmoni dan bersatu bersesuaian dengan slogan ‘Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera’.

7. Untuk makluman semua, sasaran penyertaan program Konvoi Berbasikal 1Wilayah ini adalah seramai 15,000 orang peserta dan sasaran kita penyertaan berama-ramai ini akan mendapat pengiktirafan **Malaysia Book of Records**. Manakala untuk Mini Karnival Sukan adalah 4,000 orang peserta bagi menyertai acara sampingan seperti Sukan Street Soccer, Kabbadi, Bola Keranjang dan Bola Jaring. Tahniah dan Syabas kepada semua yang mengambil bahagian dalam program yang hebat ini.
8. Penyertaan program ini dibuka kepada semua lapisan masyarakat daripada kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun dan juga kepada semua warga negara Malaysia atau bukan warga negara Malaysia. Saya amat berbesar hati melihat program hari ini mendapat sambutan yang hangat daripada semua lapisan masyarakat.
9. Kepada semua peserta yang hadir, laluan Konvoi Berbasikal 1Wilayah akan bermula di Dataran Putrajaya Presint 3 dan berakhir ditempat yang sama. Jarak laluan dianggarkan sejauh 10 hingga 30 kilometer di sekitar Putrajaya. Kayuhan Konvoi dijangka berakhir pada jam 11.00 pagi dan untuk menambahkan keceriaan semua peserta, ia disusuli dengan sesi cabutan bertuah. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan dipohon supaya menunggu sehingga ke penghujung sesi ini.
10. Bagi acara sukan seperti **Street Soccer, Kabbadi, Bola Keranjang dan Bola Jaring**, saya dimaklumkan ianya akan bermula jam 8.30 pagi dan akan tamat sepenuhnya pada jam 4.00 petang.

11. Semoga apa jua yang direncanakan pada hari ini, dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh semua yang hadir. Sesungguhnya ia adalah tanda sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada program-program yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

12. Di kesempatan ini, saya ingin memaklumkan bahawa Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Februari setiap tahun. Perayaan Hari Wilayah Persekutuan disambut setiap tahun bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan ini merupakan gabungan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sejak wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan pada 27 Mac 2004. Tahun ini adalah merupakan sambutan yang ke-12.
13. Untuk tahun 2016, Tema Sambutan Hari Wilayah pada tahun ini adalah '**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**'. Pemilihan tema ini bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan kepada warga Wilayah Persekutuan.

14. Untuk makluman semua, saya juga bersyukur kepada Ilahi kerana program pada hari ini dapat direalisasikan dengan hasil usaha dan kerjasama semua pihak. Sekalung penghargaan buat semua yang terlibat terutamanya **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya (PPj), Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam, dan RELA.**
15. Tidak lupa ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penaja kepada program ini seperti **Ekovest, Faber Vista, Gatorade, Old Town White Coffee, Miracle Hair Expert, Burger Byte, Milo, Titijaya Land Berhad, Amona Group of Companies, Qu Puteh, Jobs Global Connect, Kaz Prosport Group, Dan Kelab Putra 1 Malaysia.**
16. Semoga dengan penglibatan dan penajaan daripada semua pihak dapat memupuk semua lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan ke arah pembentukan suatu koloni masyarakat yang cergas, sihat fizikal dan cerdas mindanya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

17. Sebagai penutup program Perayaan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016, harapan saya agar kerjasama sebegini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan dapat dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

18. Sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Program Mini Karnival Sukan dan Program Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan.
19. Semoga usaha gigih dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua pihak tidak terhenti di sini tetapi secara berterusan dan sentiasa ditingkatkan untuk memastikan Wilayah yang kita cintai ini terus ceria dan harmoni.
20. Akhir kata, saya ingin memohon ampun dan maaf di atas segala kekurangan sepanjang pengajuran semua program atau aktiviti sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016. Semoga perkara yang baik dijadikan panduan manakala perkara yang buruk dijadikan sebagai garis pemisah dalam melakukan sesuatu pekerjaan.
21. Terimalah serangkap pantun daripada saya:

“Wilayah Persekutuan Aman dan Makmur
Rakyat Sejahtera Hidup Harmoni
Hari Wilayah Bakal Berakhir
Tahun Hadapan Berjumpa Lagi”
22. Sekian, **WABILLAHITAUFIK** **WALHIDAYAH**
WASSALAMUALAIKUM **WARAHMATULLAHI**
WABARAKATUH. Terima kasih.